

**BAHAN PEMBELAJARAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SUBJEK JABATAN  
(SJ) DAN PEPERIKSAAN KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN (KPSL)**

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA**

**Teras Rakan Muda**

Objektif dan Strategi Program Rakan Muda:

Program Rakan Muda telah dilancarkan pada 1994 yang bertujuan untuk melahirkan generasi muda yang berpotensi tinggi di mana berupaya untuk mendukung matlamat pembangunan negara. Di Ilhamkan dari Kajian Isu Lepak oleh Kementerian Belia dan Sukan bersama 6 Universiti Tempatan. Dilancarkan pada 29 Oktober 1994 oleh YAB Perdana Menteri dan diluluskan oleh Jemaah Menteri sebagai sebuah Program Pembangunan Sosial mensasarkan belia remaja berusia 15 - 25 tahun. Program Rakan Muda telah diiktiraf sebagai sebuah program pembangunan sosial dengan tumpuan untuk melahirkan generasi pewaris yang sempurna, bertanggungjawab, aktif, berkeyakinan dan berupaya mengawal diri serta menghapuskan amalan-amalan negatif seperti melepak dan sebagainya. Pendekatan pelaksanaan Program Rakan Muda adalah berdasarkan kepada sembilan Gaya Hidup yang digubal bagi memenuhi cita rasa remaja. Sejak Rakan Muda dilancarkan pada tahun 1994 sehingga tahun 2006, seramai 5.35 juta remaja telah menyertai Program Rakan Muda melalui 267,489 aktiviti.

Konsep, Falsafah, Visi dan Misi:

**KONSEP**

Menekankan kepada aspek pembangunan diri remaja, sistem penyampaian, pelaksanaan program berterusan, perkongsian pintar dan penglibatan masyarakat secara menyeluruh

## **MISI**

Membina satu masyarakat remaja yang bersatu padu, berdisiplin, berakhlak dan berkemahiran tinggi, sihat serta cergas dan bergerak maju dalam bidang sosial serta ekonomi dan kesukanan ke arah perpaduan negara.

## **VISI**

- i. Melaksanakan agenda pembangunan negara berlandaskan keutamaan pembangunan diri remaja dalam komuniti melalui pelbagai aktiviti Gaya Hidup Rakan Muda.
- ii. Melahirkan remaja yang berdisiplin, bertanggungjawab, prihatin, mahir, dinamik, proaktif, cergas, berkepimpinan, berkemahiran, berdikari, berbudaya, patriotik, kesukarelaan dan daya juang yang tinggi.

## **OBJEKTIF**

- i. Mewujudkan komuniti yang saling berhubung antara sub komuniti dan individu melalui pelbagai kegiatan Gaya Hidup Rakan Muda.
- ii. Membangunkan imej remaja dengan penerapan nilai-nilai positif membina watak, disiplin, hormat-menghormati, setia, bekerjasama, bersatu dan bersemangat patriotik.
- iii. Memperbanyakkan jaringan hubungan dalam melaksanakan secara bersepadu bersama agensi yang mempunyai kepakaran khusus yang berkaitan dengan Gaya Hidup Rakan Muda.

## **FALSAFAH**

- i. Pelaksanaan dari fokus individu kepada fokus komuniti. (Community Youth Development).
- ii. Penglibatan secara total golongan belia dan komuniti setempat.
- iii. Teras gerakan ini melibatkan elemen perancangan, pelaksanaan dan penilaian yang dilakukan oleh pengamal Gaya Hidup.

- iv. Tumpuan utama pelaksanaan program adalah ke arah menjana keupayaan pengamal Gaya Hidup dengan melengkapkan mereka dengan pelbagai pengetahuan, kemahiran dan sikap.

Fasa-Fasa Pelaksanaan Program Rakan Muda:

1. **FASA 1 (Tahun 1994 sehingga 2006) Pembangunan Karakter Individu (Remaja)**

Program Rakan Muda telah dilancarkan pada 29 Oktober 1994 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur oleh Perdana Menteri YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Program ini mensasarkan golongan remaja yang berumur 15 hingga 25 tahun di seluruh Malaysia. Kewujudan Program Rakan Muda sejak 20 tahun ia dilancarkan merupakan satu rentetan hasil penemuan kajian tingkah laku lepak di kalangan remaja pada tahun 1994. Dapatan kajian tersebut telah membantu pihak KBS dalam merencanakan program yang sesuai untuk golongan remaja bagi mengatasi masalah lepak dan masalah sosial lain yang timbul. Pada awal kewujudannya, terdapat beberapa peringkat pelaksanaan yang digariskan iaitu Peringkat Pengenalan, Peringkat Pembangunan, Peringkat Pemantapan dan Peringkat Pengembangan. Setiap peringkat yang dibentuk adalah memberi fokus kepada perkara seperti berikut:

- i. Peringkat Pengenalan

Memberi kesedaran dan minat kepada remaja mengenai peluang pelbagai aktiviti sembilan Gaya Hidup yang ditawarkan dan satu Briged Rakan Muda. Sembilan Gaya Hidup tersebut ialah Rakan Rekreasi, Rakan Wajadiri, Rakan Sukan, Rakan Kecergasan, Rakan Wira Usaha dan Wira Mahir, Rakan Masyarakat, Rakan Cinta Alam, Rakan Seni Budaya dan Rakan Kecergasan.

ii. Peringkat Pembangunan

Menumpukan kepada pengisian program dengan lebih menjurus kepada kandungan program serta sistem pelaksanaan yang lebih berkesan dan memberi tumpuan kepada menangani isu sosial remaja.

iii. Peringkat Pemantapan

Pelaksanaan program yang disusun semula telah memfokus mengikut sektor bagi meningkatkan liputan pelaksanaan dan keberkesanan pembudayaan Gaya Hidup. Sektor tersebut ialah Sektor Kawasan Kemajuan Tanah, Sektor Kawasan Perumahan, Sektor Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Sektor Awam atau Kerajaan, Sektor Pusat Membeli-belah, Sektor Industri, Sektor Badan Bukan Kerajaan atau NGO dan Sektor Swasta. Ianya turut memberi peluang yang lebih kepada penglibatan masyarakat terhadap program ini. Di peringkat ini, program Rakan Muda menekankan untuk menghubungi anak muda di mana mereka berada atau *“To avail Rakan Muda activities to where the youth are”*.

iv. Peringkat Pengembangan

Mengembangkan program Rakan Muda dengan menyediakan fasiliti supaya Rakan Muda menjadi sebuah institusi sosial yang penting dan diiktiraf masyarakat dengan wujudnya kemudahan infrastruktur yang lengkap di seluruh negara. Program pada fasa ini akan dilaksanakan bersesuaian dengan kehendak ‘generasi muda semasa’ disamping program bercorak pengembangan di dalam pelbagai bidang baharu selaras dengan pembangunan negara. Antara fasiliti Rakan Muda yang diwujudkan adalah seperti Kompleks Rakan Muda, Kompleks Rakan Muda Sukan, Air dan Udara, Pusat Kegiatan Rakan Muda dan Pusat Siber Rakan Muda. Antara bidang baru yang mendapat sambutan ramai ialah bidang rekreasi udara dan bidang pertanian moden hidroponik.

## **2. FASA 2 (Tahun 2007 sehingga 2013) Pelaksanaan Dari Fokus Individu Kepada Fokus Komuniti**

- i. Program Rakan Muda ini telah dijenamakan semula dalam pelaksanaan Fasa 2 dengan pendekatan baharu bersesuaian dengan hala tuju dan keperluan Misi Nasional Negara. Pelancaran Rakan Muda Fasa 2 disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia pada 29 Mei 2007 di Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara, Kuala Lumpur.
- ii. Pelaksanaan Program Rakan Muda Fasa 2 melibatkan lebih ramai pemimpin masyarakat di semua peringkat dan kawasan disamping memperkukuhkan lagi kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan yang berkaitan. Program ini lebih menumpukan kepada konsep 'Individu Kepada Komuniti'.
- iii. Penjenamaan Program Rakan Muda Fasa 2 mengandungi perubahan imej dan identiti Rakan Muda dari aspek logo baharu dan slogan Yakin Boleh kepada Yakin Boleh Gemilang. Cogan kata Prihatin, Mahir dan Dinamik juga ditonjolkan untuk menggambarkan penekanan unsur positif dan impak positif yang diharapkan terhadap generasi muda negara. Pelaksanaan program Rakan Muda bagi memperkukuhkan usaha menembusi anak-anak muda di semua lapisan masyarakat melalui sektor-sektor pelaksanaan yang diperkenalkan. Penyertaan remaja di dalam Program Rakan Muda Fasa 2 dari tahun 2007 hingga 2013 adalah berjumlah 7.17 juta melalui 33,636 aktiviti di seluruh negara.

## **3. FASA 2 (Tahun 2015 sehingga kini) Penyerlahan Bakat dan Potensi**

Fasa 3 memberi peluang kepada belia untuk menyumbang idea lebih terbuka bagi direalisasikan, asalkan ia memberi kemajuan kepada masyarakat dan negara. Ia tidak lagi berfungsi mengikut kategori ditetapkan seperti Rakan Sukan, Rakan Wajadiri dan sebagainya seperti dahulu, tetapi kini terbuka kepada semua untuk terlibat jika ada bakat untuk diserlahkan. Program-program yang dijalankan oleh Rakan Muda akan lebih bersifat mendekati minat anak muda bandar dan luar bandar dan seterusnya mengembangkan minat dan bakat

mereka sehingga dapat dikomersialkan dengan bantuan daripada Kementerian Belia dan Sukan sendiri.

## **ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA (ARPRM)**

### **PENGENALAN:**

Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM) ini merupakan program anugerah bertaraf antarabangsa yang telah diadaptasikan dari program anugerah *The Duke of Edinburgh's* yang berpusat di United Kingdom dan kini disertai oleh lebih 140 buah negara di seluruh dunia.

Program ARPRM ini telah diluluskan oleh kabinet pada tahun 1991 dan telah dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1992. Manakala pada tahun 2000, Malaysia telah diiktiraf sebagai Badan Berkuasa Anugerah Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai National Award Operator (NAO) Malaysia. Program ini telah diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Pembangunan Rakan Muda melalui Jabatan Belia Sukan Negara, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

### **OBJEKTIF:**

Berikut adalah objektif untuk Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda:


1. Melatih remaja menghadapi cabaran ke arah kematangan diri dan penyerlahan potensi.
2. Membentuk pembangunan remaja secara holistik melalui penyertaan dan pengiktirafan dalam aktiviti seimbang di bawah 4 komponen.
3. Memupuk semangat kesukarelaan serta mengiktiraf sumbangan remaja dalam aktiviti kemasyarakatan.
4. Meningkatkan potensi kepimpinan remaja sebagai pemimpin elit muda.

### **FALSAFAH**

Berdasarkan *handbook The Duke of Edinburgh's*, falsafah yang digunakan dalam Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda ini adalah penggunaan prinsip '*experiential learning*' , iaitu pembelajaran berdasarkan pengalaman yang diperkenalkan oleh Kurt Hahn.

Tujuan '*experiential learning*' ini adalah untuk mendorong individu tersebut untuk memperoleh pengalaman dari aktiviti yang dijalankan serta nilai-nilai murni yang dapat menjadikan individu itu seseorang yang berdedikasi dengan berbekalkan semangat juang yang tinggi, rasa ingin tahu yang mendalam dan juga semangat tidak putus asa dalam menempuhi segala cabaran.

Gambar rajah di bawah merupakan komponen proses pembelajaran berdasarkan pengalaman / '*experiential learning*' :



Selain itu, Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM) juga menerapkan beberapa prinsip yang perlu ada dalam diri individu. Antaranya adalah:

1. Individu / *Individual*
2. Tidak berdaya saing / *Not competitive*
3. Bermatlamat / *Achiveable*
4. Kesukarelawanan / *Voluntary*
5. Memupuk peribadi diri / *Development*
6. Keseimbangan/ *Balanced*
7. Progresif/ *Progressive*
8. Inspirasi / *Inspiration*
9. Kegigihan/ *Persistance*
10. Menggembirakan/ *Enjoyable*

## TAHAP DAN TEMPOH PELAKSANAAN PROGRAM ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA (ARPRM)

Tempoh pelaksanaan Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM) di Malaysia adalah sejak 1992. Sehingga kini, iaitu pada tahun 2020, seramai 175,018 orang peserta di seluruh Malaysia telah ditauliahkan mengikut pecahan berikut:

1. Tahap Emas : 1,295 orang
2. Tahap Perak : 49,600 orang
3. Tahap Gangsa : 124,123 orang

Dalam Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM) ini terdapat tiga (3) tahap iaitu bermula dengan Tahap Gangsa, seterusnya Tahap Perak dan akhir sekali Tahap Emas. Berikut adalah syarat dan kriteria yang perlu diikuti oleh peserta untuk menyertai program anugerah ini:

TAHAP ANUGERAH	KHIDMAT MASYARAKAT	KEMAHIRAN	REKREASI FIZIKAL	TAMBAHAN	PENJELAJAHAN LASAK
<b>GANGSA</b>	3 bulan (15 jam)	3 bulan (15 jam)	3 bulan (15 jam)	Peserta perlu memilih salah 1 jenis komponen sama ada Khidmat Masyarakat, Kemahiran atau Rekreasi Fizikal untuk dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan lagi	2 hari + 1 malam Jarak minimum 24KM (6 Jam aktiviti) [12 Jam])
<b>PERAK</b>	6 bulan (30 jam)	6 bulan (30 jam)	6 bulan (30 jam)	Bukan pemegang Gangsa perlu memilih salah 1 jenis komponen sama ada Khidmat Masyarakat, Kemahiran atau Rekreasi Fizikal untuk dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan lagi	3 hari + 2 malam Jarak minimum 48KM (7 Jam aktiviti) [21 Jam])
<b>EMAS</b>	12 bulan	12 bulan	12 bulan	Bukan pemegang	4 hari

	(60 jam)	(60 jam)	(60 jam)	Perak perlu memilih salah 1 jenis komponen sama ada Khidmat Masyarakat, Kemahiran atau Rekreasi Fizikal untuk dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan lagi	+ 3 malam Jarak minimum 80KM (8 Jam aktiviti [32 Jam])
	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tambahan : Projek Penempatan selama 5 hari , 4 malam</li> </ul>				

### **PELAKSANAAN PROGRAM ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA (ARPRM)**

Pelaksanaan Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM) ini terbahagi kepada empat (4) komponen utama iaitu Khidmat Masyarakat, Kemahiran, Rekreasi Fizikal, dan Penjelahan Lasak manakala satu (1) komponen tambahan iaitu Projek Penempatan bagi peserta yang menyertai program ini untuk ke tahap Emas. Berikut adalah keterangan bagi setiap komponen dan perincian pelaksanaan program ini:

<b>KOMPONEN</b>	<b>OBJEKTIF</b>	<b>SYARAT MINIMA</b>	<b>CONTOH AKTIVITI</b>	<b>FAEDAH</b>
Khidmat Masyarakat	Mempelajari untuk memberi kebaikan atau sumbangan yang berguna dalam bentuk kesukarelawan di sesuatu kawasan	1 jam / minggu  Individu/berkumpulan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktivi bergotong-royong</li> <li>• Membina gelanggang permainan</li> <li>• Membuat kelas percuma</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan kualiti kepimpinan diri.</li> <li>• Memupuk nilai murni dalam diri seperti erti kesabaran, ketabahan dan belas kasihan kepada masyarakat.</li> </ul>
Rekreasi Fizikal	Menggalakan peserta bergiat aktif dalam aktiviti sukan yang diminati/ diceburi	1 jam / minggu  Individu/berkumpulan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bola Sepak</li> <li>• Bola Jaring</li> <li>• Olahraga</li> <li>• Badminton</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan mutu permainan dalam sesuatu sukan</li> <li>• Dapat meningkatkan daya ketahanan / fitness</li> <li>• Dapat meningkatkan kesihatan tubuh badan</li> </ul>

				<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dapat mendisplinkan diri dalam pembahagian masa serta motivasi diri</li> </ul>
Kemahiran	Mendorong peserta mengembangkan minat dan kemahiran secara praktikal	1 jam / minggu  Individu sahaja	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memasak</li> <li>• Menjahit</li> <li>• Bermain alat muzik</li> <li>• Kemahiran berkomputer</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dapat mengcungkil bakat baru dalam diri peserta</li> <li>• Dapat menggilap dan mengembangkan bakat sedia ada ke peringkat yang lebih jauh</li> <li>• Dapat menceburi bidang kemahiran yang diminati dengan lebih terperinci</li> </ul>
Penjelajahan Lasak	Menggalakan semangat pengembaraan dan kerjasama sepasukan dalam menghadapi cabaran	3-6 orang dalam satu kumpulan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhemahan</li> <li>• Mendaki gunung</li> <li>• Ekspedisi berkayak</li> <li>• Meredah hutan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dapat bekerja dan bergerak secara pasukan</li> <li>• Meningkatkan ketahanan fizikal dan mental</li> <li>• Memupuk jati diri dan kepimpinan</li> <li>• Dapat mempelajari untuk membuat keputusan sebenar dan menanggung akibat</li> </ul>
Projek Penempatan	Meningkatkan semangat jati diri peserta, semangat survival dan daya ketahanan fizikal dan mental.	5 hari 4 malam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penempatan di Kampung Orang Asli/ Pendalaman</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memupuk nilai-nilai murni dalam diri peserta.</li> <li>• Meningkatkan ilmu pengetahuan peserta dan mempelajari sesuatu perkara baru yang boleh dikongsikan kepada orang lain</li> </ul>

## **KURSUS PENGURUSAN ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA (ARPRM)**

Terdapat tiga (3) jenis kursus dalam pelaksanaan Program Anugerah Remaja Perdana iaitu Kursus Pengurusan Pemimpin, Kursus Training of Trainers (TOT) dan juga Kursus *Traning for Trainers (T4T)*. Peserta kursus adalah terdiri daripada bakal pemimpin atau mentor yang terdiri dari ahli Badan Operasi, pegawai belia dan sukan dan juga para guru. Namun begitu, hanya kursus *T4T* sahaja akan dianjurkan oleh pihak *International Award Foundation (IAF)* mengikut kapasiti dan kesesuaian ditentukan oleh pihak mereka.

Setiap kursus mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk melahirkan lebih ramai pemimpin mahupun mentor yang bertauliah dan berkemahiran tinggi untuk memantau, menyelia serta membantu peserta sepanjang melaksanakan program ARPRM ini. Manakala, kursus T4T bertujuan untuk melahirkan penceramah yang bertauliah dan pakar dalam pelaksanaan Program ARPRM yang dilaksanakan di dalam dan luar negara.

Perbezaan antara tiga (3) kursus ini adalah tahap kepimpinan yang akan diperoleh oleh peserta kursus. Berikut adalah keterangan bagi setiap kursus mengikut pecahan:

<b>KURSUS</b>	<b>OBJEKTIF</b>	<b>PERINGKAT</b>	<b>PEMBELAJARAN</b>
Pengurusan Pemimpin	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memberi penerangan serta input yang terkini mengenai tugas serta peranan yang harus dimainkan oleh semua Pegawai Rakan Muda Negeri, Pegawai Belia dan Sukan Daerah, Pegawai IKBN/ IKTBN, pemimpin badan operasi dan sukarelawan anugerah dalam pelaksanaan program ARPRM.</li><li>• Meningkatkan tahap kecekapan Pegawai Rakan Muda Negeri, Pegawai Belia dan Sukan Daerah, Pegawai IKBN/ IKTBN dan pemimpin dalam pengurusan program ARPRM.</li><li>• Menyediakan peluang perkongsian praktis terbaik di tempat masing-masing bagi meningkatkan mutu pengurusan</li></ul>	Kebangsaan	Modul pembelajaran disediakan oleh NAO Malaysia

	<p>Program ARPRM di seluruh negara.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengenalpasti cara-cara untuk mengatasi atau meminimalkan masalah yang timbul dalam pelaksanaan program ARPRM.</li> </ul>		
<i>Training of Trainers (TOT)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi pendedahan dan kefahaman mengenai kaedah pengendalian latihan berdasarkan modul yang disediakan oleh Sekretariat Program Anugerah Remaja di peringkat antarabangsa.</li> <li>• Membentuk barisan "<i>Trainers</i>" untuk Program ARPRM yang berkemahiran serta dapat merangka program latihan mengikut kesesuaian dan keperluan peserta.</li> <li>• Mewujudkan "<i>Training Team</i>" ARPRM yang berkeyakinan dalam mengendalikan program latihan.</li> <li>• Mewujudkan jaringan hubungan di antara "<i>Trainer</i>" ARPRM dari seluruh negara</li> <li>• Boleh menjadi penceramah dalam kursus Pengurusan Pemimpin</li> </ul>	Kebangsaan	Modul pembelajaran disediakan oleh NAO Malaysia
<i>Training for Trainers (T4T)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan jaringan hubungan di antara "<i>Trainer</i>" ARPRM dari seluruh negara</li> <li>• Membentuk barisan "<i>Trainers</i>" untuk Program ARPRM yang bertauliah serta dapat merangka program latihan mengikut kesesuaian dan keperluan peserta.</li> <li>• Boleh menjadi penceramah dalam kursus <i>Training of Trainers (TOT)</i>.</li> </ul>	Antarabangsa	Anjuran pihak International Award Foundation, United Kingdom

## MAJLIS PENTAULIAHAN TAHAP EMAS

Majlis Pentauliahan Tahap Emas merupakan majlis tahunan di Bahagian Pembangunan Rakan Muda. Majlis ini adalah untuk memberi pengiktirafan atau pentauliahan kepada penerima Emas pada tahun tersebut. Antara objektif utama majlis pentauliahan ini adalah seperti yang berikut:

1. Memberi "*highlight*" dan pengiktirafan ke atas pencapaian peserta remaja Malaysia dalam Program Remaja Perdana Rakan Muda.
2. Melahirkan pemimpin muda yang mahir dan berkualiti melalui program ini.
3. Memberi galakan kepada Badan Operasi di seluruh negara untuk lebih aktif dalam melahirkan peserta-peserta yang berkualiti.
4. Mewujudkan jaringan hubungan antara penerima Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda.

Antara syarat pentauliahan adalah peserta telah menyempurnakan kesemua komponen wajib mengikut *standard* dan piawaian antarabangsa yang telah ditetapkan. Pencapaian peserta telah disahkan oleh jurulatih dan Badan Operasi. Penilaian diperingkat negeri akan dilaksanakan terlebih dahulu sebelum penilaian di peringkat kebangsaan di mana pengesahan untuk pentauliahan peserta ditetapkan.

Majlis pentaulihan ini akan dianjurkan oleh Unit Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda, Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Jabatan Belia dan Sukan Negara dengan kerjasama *Malaysia Gold Award Association (MAGAA)* / Pertubuhan Belia Emas Perdana.

Garis panduan dan konsep bagi majlis ini diselaraskan oleh Unit Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda, Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Jabatan Belia dan Sukan Negara. Pelaksanaan majlis hendaklah berdasarkan perbelanjaan yang telah diperuntukan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negara mengikut bajet tahunan.

## **MAJLIS PENTAULIAHAN ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA PERINGKAT NEGERI**

Majlis Pentauliahan Tahap Perak dan Gangsa merupakan majlis tahunan yang akan dianjurkan di Jabatan Belia dan Sukan Negeri melalui Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Jabatan Belia dan Sukan Negara. Majlis ini adalah untuk memberi pengiktirafan atau pentauliahan kepada penerima Perak dan Gangsa pada tahun tersebut. Antara objektif utama majlis pentauliahan ini adalah seperti yang berikut:

1. Memberi “*highlight*” dan pengiktirafan ke atas pencapaian peserta remaja Malaysia dalam Program Remaja Perdana Rakan Muda.
2. Melahirkan pemimpin muda yang mahir dan berkualiti melalui program ini.
3. Memberi galakan kepada Badan Operasi di seluruh negara untuk lebih aktif dalam melahirkan peserta-peserta yang berkualiti.
4. Mewujudkan jaringan hubungan antara penerima Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda.

Pemilihan peserta adalah berdasarkan sesi penilaian peringkat negeri yang akan dilaksanakan oleh Unit Anugerah Remaja Perdana, Bahagian Pembangunan Rakan Muda, di Jabatan Belia dan Sukan Negeri.

Buku laporan peserta yang telah lengkap dan menepati kesemua komponen wajib akan dinilai berdasarkan (*standard*) dan piawaian antarabangsa yang telah ditetapkan dalam *Handbook The Duke of Edinburgh's*.

Pencapaian peserta akan disahkan oleh jurunilai yang berkemahiran dan terlatih serta dilantik oleh Badan Berkuasa Anugerah Kebangsaan yang terdiri daripada Pegawai Belia dan Sukan Negeri, Badan Operasi dan Pemimpin.

Berikut adalah peranan Jabatan Belia dan Sukan Negeri dalam menganjurkan Majlis Pentauliahan Tahap Perak dan Gangsa di peringkat negeri:

- Mengemukakan senarai pencalonan dan melaksanakan sesi penilaian di peringkat negeri.
- Memastikan sesi penilaian dijalankan dengan penuh teliti dan dedikasi.
- Garis panduan dan konsep bagi majlis ini diselaraskan oleh Unit Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda, Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Jabatan Belia dan Sukan Negeri.
- Pelaksanaan majlis hendaklah berdasarkan perbelanjaan yang telah diperuntukan dan dicadangkan tempoh pelaksanaan majlis pentauliahan ini adalah pada bulan September hingga November setiap tahun.

## **BADAN OPERASI**

Badan Operasi merupakan sebuah organisasi bebas yang diberi kuasa dan lesen oleh Badan Berkuasa Anugerah Kebangsaan (NAO) di Kementerian Belia dan Sukan melalui Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Jabatan Belia dan Sukan Negara bagi melaksanakan Program Anugerah berdasarkan empat (4) komponen aktiviti seperti yang telah ditetapkan dalam piawaian *handbook The Duke of Edinburgh's*.

Pendaftaran sebagai Badan Operasi terbuka kepada semua agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGOs), pertubuhan, persatuan, kelab atau syarikat swasta & lain-lain organisasi yang berdaftar. Sehingga kini, iaitu pada tahun 2020, jumlah badan operasi yang berdaftar dan aktif adalah sebanyak 256 buah Badan Operasi.

Berikut adalah peranan Badan Operasi dalam pelaksanaan Program ARPRM:

- Daftar sebagai Badan Operasi
- Membentuk Sekretariat/ Unit Anugerah Remaja Perdana
- Memberi khidmat nasihat kepada peserta
- Merancang aktiviti komponen bersama peserta
- Daftarkan peserta dan dapatkan Buku Rekod
- Menyelia peserta mengisi Buku Rekod dengan lengkap
- Menilai & sahkan pencapaian peserta

- Menyimpan data Pemimpin/ Mentor/ Jurulatih/ Peserta/ Sukarelawan
- Mengemaskini rekod dan statistik
- Laporan perkembangan kepada Sekretariat ARP Kebangsaan

Berikut adalah cara permohonan sebagai Badan Operasi serta pembaharuan lesen:

1. Pemimpin dalam Persatuan/ Pertubuhan/ Kelab wajib menghadiri Kursus/ Bengkel Pengurusan Anugerah Remaja Perdana (syarat wajib sebelum memohon sebagai Badan Operasi)
2. Sertakan :
  - Salinan Sijil daftar persatuan/agensi (ROS/ROY/PJS/SSM)
  - Salinan Sijil Tauliah Pemimpin ARP
  - Cadangan nama AJK
3. Borang Permohonan Badan Operasi telah lengkap diisi, ditandatangani dan dicopkan dengan cop rasmi Persatuan / Agensi yang memohon
4. Mengemukakan permohonan melalui PBSB/ B/ K
5. Permohonan disokong oleh PBSB/ B/ K
6. Permohonan diluluskan/ ditolak oleh Pengarah JBS Negeri
7. JBS Negeri menghantar borang permohonan, dokumen berkaitan kepada pihak NAO
8. NAO merekodkan data BO & mengeluarkan Sijil Tauliah Badan Operasi yang ditandatangani oleh KP JBSN selaku Penggerusi Anugerah Kebangsaan kepada JBS Negeri

Berikut adalah tindakan Badan Operasi setelah mendapat kelulusan sebagai Badan Operasi oleh Badan Berkuasa Anugerah Kebangsaan (NAO) Malaysia

1. Badan Operasi wajib mengemukakan laporan setiap bulan kepada JBS Negeri untuk dikemukakan kepada Sekretariat Kebangsaan (NAO) (Statistik Penyertaan & Pentauliahan)
2. Badan Operasi wajib melaksanakan Program Anugerah Remaja Perdana mengikut piawaian yang telah ditetapkan

3. Sekiranya Badan Operasi didapati tidak aktif seperti keadaan berikut maka pihak JBS Negeri mempunyai kuasa untuk membatalkan pendaftaran Badan Operasi tersebut (Untuk NGO's dan Agensi Swasta) :

- Gagal mengemukakan laporan pada tahun berkenaan
- Tiada langsung penyertaan peserta pada tahun berkenaan.
- Tiada langsung peserta yang ditauliahkan pada tahun berkenaan
- Tidak melaksanakan Program Anugerah Remaja Perdana sebaliknya hanya menggunakan Sijil Badan Operasi sebagai medium untuk mendapatkan tajaan daripada pihak tertentu bagi tujuan kepentingan peribadi

## **RAKAN MUDA RAMADAN**

Program Rakan Muda Ramadan adalah salah satu program di bawah Rakan Muda Rakan Masyarakat bertujuan untuk memastikan setiap lapisan belia di seluruh negara dapat mempertingkatkan nilai sahsiah diri melalui aktiviti dan program kerohanian yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

### **A. KONSEP PELAKSANAAN:**

#### **1. Sasaran:**

Belia massa, iaitu terdiri daripada belia bandar, belia luar bandar, belia kaum utama, ikon belia, keluarga muda dan ibu bapa muda.

#### **2. Penyertaan:**

- i. Belia berumur di antara 15 hingga 25 tahun, warganegara Malaysia.
- ii. Belia yang berada di bandar atau luar bandar
- iii. Belia yang masih belajar/ menganggur/ bekerja
- iv. Belia yang masih bujang/ berkahwin

#### **3. Kaedah Pemilihan Peserta:**

- i. JBS Negeri akan membuat hebahan dan makluman kepada pihak yang berkaitan seperti Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Jawatankuasa Masjid/ Surau dan mana-mana agensi berkaitan bagi mendapatkan penyertaan.
- ii. JBS Negeri akan memilih lima (5) buah masjid atau surau untuk melaksanakan program ini;

- iii. JBS Negeri akan mendapatkan peserta dalam kalangan belia yang berada di kawasan kariah masjid/ surau yang telah dipilih;
- iv. Penyertaan dalam kalangan pelajar sekolah agama atau maahad tahfiz adalah tidak digalakkan.

#### **4. Kaedah Pemilihan Fasilitator:**

- i. JBS Negeri akan mengenal pasti pembimbing yang berkelayakan dan ahli dalam ilmu al-Quran dan tajwid untuk dilantik sebagai fasilitator;
- ii. JBS Negeri akan mendapatkan maklumat kelayakan akademik pembimbing dengan sekurang-kurangnya mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) daripada mana-mana sekolah agama yang diiktiraf atau mempunyai apa-apa jawatan berkaitan pengurusan hal ehwal Islam seperti ustaz, imam, bilal dan lain-lain yang berkaitan.

#### **5. Pelaksanaan:**

##### **5.1 Aktiviti Tadarus al-Quran:**

- 5.1.1 Dilaksanakan bermula 1 Ramadan sehingga 20 Ramadan di lima (5) buah masjid atau surau yang terpilih di setiap negeri;
- 5.1.2 Peserta di setiap masjid atau surau terdiri daripada 40 orang belia dengan dibimbing oleh seorang pembimbing yang dilantik oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Negeri masing-masing.

## **5.2 Majlis Khatam al-Quran:**

- 5.2.1 Dilaksanakan di **peringkat negeri** bermula 20 Ramadan sehingga penghujung Ramadan (pilihan tarikh adalah mengikut kesesuaian di setiap negeri).
- 5.2.2 Semua peserta tadarus di lima (5) buah masjid/ surau akan dibawa ke Majlis Khatam al-Quran;
- 5.2.3 Dilaksanakan di sebuah masjid dengan penglibatan keseluruhan seramai 350 orang (termasuk peserta khatam) daripada pelbagai kaum, bangsa, agama dan jantina yang terdiri daripada:
  - i. Pegawai dan kakitangan Belia dan Sukan Negeri dan Daerah
  - ii. Badan-badan kerajaan yang difikirkan perlu (Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Agama Islam Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri)
  - iii. Belia sekitar kariah masjid
  - iv. NGO setempat

## **5.3 Pengisian lain:**

- i. Ceramah atau tazkirah ringkas
- ii. Majlis *Iftar* (berbuka puasa) & moreh
- iii. Gotong royong dan khidmat komuniti

## **B. MATLAMAT DAN OBJEKTIF:**

1. Matlamat penganjuran program adalah bagi memastikan setiap lapisan belia di seluruh negara dapat mempertingkatkan nilai sahsiah diri melalui program dan aktiviti kerohanian yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.
2. Objektif program ini adalah untuk:
  - 2.1 Mengajak dan menarik minat belia untuk menghidupkan bulan Ramadan al-Mubarak dengan pelaksanaan program dan aktiviti kerohanian.
  - 2.2 Melatih belia untuk membaca, memahami dan mengamalkan ajaran al-Quran dalam kehidupan seharian.
  - 2.3 Memperkenalkan belia dengan amalan-amalan sunnah yang diamalkan para *salafus-salih* sepanjang bulan Ramadan.
  - 2.4 Mengeratkan persaudaraan dan ukhuwwah dalam kalangan belia pelbagai kaum, budaya dan agama melalui aktiviti sosial dan kemasyarakatan.

## **C. IMPAK KEPADA PEMBENTUKAN SAHSIAH DIRI REMAJA:**

- i. Melahirkan anak muda yang mempunyai unsur-unsur keseimbangan daripada segi rohani dan jasmani.
- ii. Melahirkan kumpulan anak muda prihatin agama.
- iii. Mengurangkan gejala sosial dalam kalangan anak-anak muda.
- iv. Menghindarkan perbuatan subversif dalam kalangan anak muda

- v. Melahirkan anak muda yang bersahsiah dan boleh menjadi ikon/ contoh teladan kepada yang lain.

## **INSPIRASI ANAK MUDA (I AM)**

Program Inspirasi Anak Muda (I AM), satu program di bawah Rakan Muda Rakan Masyarakat merupakan salah satu inisiatif Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) dengan sokongan agensi berkaitan (*stakeholder*) yang bertujuan menangani masalah gejala sosial dalam kalangan anak muda.

### **A. KONSEP PELAKSANAAN:**

#### **1. Sasaran:**

Belia berisiko, iaitu yang tergolong dalam kalangan pesakit muda, tercirir daripada sistem persekolahan, tidak berkerjaya, mangsa dera, bekas banduan, anak banduan, perokok, peminum arak, penagih dadah, pelumba haram, kecelaruan identiti, penyeludup dan belia di sempadan.

#### **2. Penyertaan:**

- 2.1 Peserta akan dipilih dan ditentukan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
- 2.2 Jumlah peserta bagi setiap negeri adalah seramai 80 orang yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum, bangsa, jantina dan agama;
- 2.3 Berumur di antara 15 hingga 17 tahun;
- 2.4 Kategori pemilihan peserta adalah yang mempunyai masalah rekod disiplin di sekolah seperti merokok, membuli, ponteng sekolah, bergaduh, ingkar arahan guru dan lain-lain yang dirasakan berkaitan oleh pihak KPM;

2.5 Penglibatan peserta dalam program ini adalah secara sukarela dan perlu mendapat kebenaran daripada ibubapa atau penjaga mereka terlebih dahulu;

### **3. Kaedah Pemilihan Fasilitator:**

- i. Jumlah keseluruhan fasilitator adalah seramai 120 orang iaitu lapan (8) orang di setiap negeri yang terdiri daripada Pegawai Belia dan Sukan Negeri/ Daerah/ Kawasan/ Bahagian.
- ii. Fasilitator terdiri daripada pelbagai latar belakang agama, bangsa dan jantina;
- iii. Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri akan memilih fasilitator yang dirasakan paling sesuai dan berkelayakan untuk melaksanakan program;
- iv. Fasilitator wajib menghadiri *training of trainers* (TOT) selama empat (4) hari, tiga (3) malam sebagai persediaan untuk melaksanakan program;
- v. Fasilitator perlu memantau perkembangan dan wujudkan hubungan (*follow up & keep in touch*) dengan peserta setelah selesai pelaksanaan program;
- vi. Fasilitator perlu memastikan peserta mengikuti apa jua program KBS sedia ada sama ada di peringkat negeri mahupun kementerian setelah selesai mengikuti Program I AM;
- vii. Fasilitator hendaklah memaklumkan kepada pihak urusetia dan sekretariat mengenai perkembangan peserta dari semasa ke semasa.

### **4. Pelaksanaan:**

4.1 Program ini dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama beberapa agensi berikut:

- i. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
  - Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
  - Bahagian Psikologi dan Kaunseling

- ii. Kementerian Dalam Negeri (KDN)
  - Polis DiRaja Malaysia (PDRM)
  - Jabatan Penjara Malaysia
- iii. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
- iv. Jabatan Belia Dan Sukan Negeri (JBSN)
- v. Pejabat Belia Dan Sukan Bahagian/Kawasan/Daerah
- vi. Universiti Malaysia Sabah (UMS)

4.2 Program adalah berbentuk *mentor-mentee* melalui pengisian seperti berikut:

- a. Modul Super Skill for Life (8 sesi);
- b. Lawatan ke Sekolah Henry Gurney, Sekolah Tunas Bakti, Pusat Pemulihan Akhlak atau lain-lain agensi yang bersesuaian;
- c. Pengembangan bakat dan kerjaya secara berterusan (Penglibatan peserta dalam program sedia ada KBS);
- d. Pemantauan (*follow up*) berterusan oleh Fasilitator.

## **B. MATLAMAT DAN OBJEKTIF:**

- 1. Matlamat penganjuran program adalah bagi mengenal pasti golongan belia awal yang berisiko dan menyediakan langkah pencegahan segera bagi menghindari potensi negatif dalam diri mereka.
- 2. Objektif program ini adalah untuk:
  - i. Membangunkan potensi positif yang ada dalam diri anak muda;
  - ii. Membimbing belia awal secara berterusan agar mereka tidak terjebak dalam gejala sosial dan jenayah;

- iii. Menyediakan ruang dan peluang kepada belia awal untuk mengembangkan bakat dan kerjaya melalui program-program di KBS

**C. IMPAK KEPADA PEMBENTUKAN SAHSIAH DIRI REMAJA:**

- i. Membangunkan potensi diri positif anak muda khususnya dalam kalangan belia awal.
- ii. Mengurangkan kadar jenayah dan gejala sosial yang melibatkan golongan belia awal.
- iii. Mengukuhkan jati diri golongan anak muda

## MYCORPS

### 1. Latar belakang Program MyCorps:

- Program Kesukarelawanan Belia Antarabangsa Malaysia (MyCorps) bertujuan menjana modal sosial melalui penyediaan tenaga sukarelawan yang bertindak sebagai '*Role Model*' dan Pemimpin Sukarelawan bagi mendorong semangat kesukarelawanan dan kemanusiaan di kalangan belia berumur 18-30 tahun.
- Program berbentuk penempatan bertempoh/ sementara sukarelawan di negara - negara yang masih memerlukan bantuan dan khidmat sokongan dalam konteks pembangunan komuniti, sosial & ekonomi seperti Asean, Asia, Benua Afrika dan Timur Tengah.
- Diinspirasikan melalui Program *American Peace Corps*, USA dan disesuaikan dengan Dasar Belia Malaysia (DBM).
- Dibangunkan hasil daripada Makmal Transformasi Belia 2010 dan telah dibentangkan/ dipersetujui dalam Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia (JKPB) pada tahun 2011.

### 2. Konsep Pelaksanaan:

Program MyCorps terbahagi kepada 2 komponen iaitu:

- **Kursus Intensif: Latihan Pra Penempatan**  
Platform untuk menyediakan sukarelawan dengan pengetahuan dan kemahiran serta pemindahan kepakaran, pengalaman dan pembelajaran dalam konteks dunia Kesukarelawanan dan Kemanusiaan. Tempoh masa Latihan Pra Penempatan adalah selama satu (1) bulan.

- **Kerja Lapangan : Projek Penempatan Antarabangsa**

Platform untuk sukarelawan member khidmat dan bantuan serta sokongan sosial kepada komuniti yang memerlukan di peringkat antarabangsa. Bertindak sebagai Duta Sosial Malaysia dan ejen dalam pembangunan komuniti, pendidikan, kesihatan, sosial dan ekonomi serta kemanusiaan di projek penempatan antarabangsa dan domestik. Tempoh masa untuk melaksanakan projek/ kerja lapangan di negara misi adalah selama dua (2) bulan.

**3. Contoh-contoh Program Kesukarelawanan Belia:**

- MyCorps
- Hari Kesukarelawanan Malaysia
- Sukarelawan Pasca Bencana
- Khidmat Komuniti Belia Bandar
- Rakan Muda @ Komuniti
- Perhubungan Komuniti Rakan Muda

**4. Impak Program MyCorps dalam melahirkan semangat kesukarelaan golongan muda:**

- **Kesan Terhadap Belia**
  - i. Menghasilkan belia yang mempunyai unsur-unsur keseimbangan dari segi intelektualisme, aktivisme, spiritualisme dan idealisme.
  - ii. Menghasilkan sukarelawan mahir melalui sistem yang tepat dan platform yang betul.

- **Kesan Terhadap Malaysia**
  - i. Memberi dan menaikkan imej yang baik terhadap Malaysia dengan memiliki kumpulan sukarelawan yang mampu memberi khidmat komuniti secara global.
  - ii. Mempunyai lebih ramai belia yang sanggup untuk melakukan pekerjaan sukarela di mana-mana dan bila-bila masa.
  - iii. Memupuk kesedaran belia Malaysia terhadap kepentingan penglibatan mereka dalam dunia sukarela dapat mengurangkan gejala sosial.
  
- **Kesan Terhadap Komuniti**
  - i. Melahirkan kumpulan belia prihatin yang sangat komited berkhidmat dan membantu masyarakat demi agama, bangsa dan negara untuk kesejahteraan masyarakat tempatan amnya dan antarabangsa khususnya.
  - ii. Mengurangkan masalah dan penyakit sosial dalam masyarakat demi mensejahterakan kehidupan dan menangkis tanggapan buruk masyarakat terhadap belia masa kini.

**5. Program Mycorps yang telah dilaksanakan di negara-negara misi:**

- Projek Rintis : Mycorps @ Kemboja – Tahun 2015
- Misi 1 : Mycorps @ Kemboja – Tahun 2015
- Misi 2 : Mycorps @ Kemboja – Tahun 2016
- Misi 3 : Mycorps @ Timur Tengah (Jordan, Turki & Lubnan) – Tahun 2016
- Misi 4 : Mycorps @ Asia Selatan (Bangladesh & Sri Lanka) – Tahun 2017
- Misi 5 : Mycorps @ Afrika (Kenya, Sudan, Tanzania & Uganda) – Tahun 2017

- Misi 6 : Mycorps @ Malaysia (Kedah, Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah & Sarawak) – Tahun 2018
- Misi 7 : Mycorps @ Asia Tenggara (Filipina, Indonesia, Laos & Timor Leste) – Tahun 2019
- Misi 8 : Mycorps @ Asia Selatan 2.0 (Bangladesh & Nepal) – Tahun 2019

## **SEKRETARIAT RAKAN MUDA IPT**

### Latar Belakang Penubuhan:

Sekretariat Rakan Muda IPT diwujudkan pada tahun 1997 di IPTA. Sehingga kini sebanyak 71 buah SRM telah ditubuhkan di IPTA dan IPTS. Sekretariat ini mempunyai ahli-ahli dikalangan pelajar berumur dalam lingkungan 18-25 tahun dan ianya melalui sistem pemilihan secara lantikan oleh pihak Institut atau melalui mesyuarat sekretariat itu sendiri.

### Peranan dan Tanggungjawab:

#### **Objektif Penubuhan Sekretariat Rakan Muda IPT**

- i. Meluaskan capaian program Rakan Muda kepada kumpulan sasar (belia IPT berumur (18 – 30 tahun)
- ii. Mendekati remaja dan belia IPT melalui pelaksanaan program anjuran KBS
- iii. Mendapatkan maklumbalas mengenai keberkesanan program Rakan Muda sektor IPT
- iv. Memudahkan perancangan dan pelaksanaan program Rakan Muda di sektor IPT
- v. Sebagai jambatan penghubung diantara KBS dengan IPT

#### **Syarat-Syarat Penubuhan Sekretariat Rakan Muda IPT :**

Syarat-syarat asas bagi menubuhkan sesebuah Sekretariat Rakan Muda (SRM) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mengambilkira beberapa aspek iaitu :

**i. Jumlah Pelajar**

Mempunyai jumlah pelajar yang melebihi 500 orang supaya penglibatan mereka lebih meluas, perbagai serta mudah mendapatkan penyertaan bagi sesuatu projek yang dilaksanakan.

**ii. Mendapat Kebenaran dan Kelulusan TNC ( HEP )**

Setiap permohonan menubuhkan SRM di IPT perlu mendapat kebenaran dan kelulusan terlebih dahulu daripada Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pelajar selaku pihak yang berkuasa di IPT.

**iii. Menubuhkan Jawatankuasa Sekretariat Rakan Muda (SRM)**

SRM IPT akan digerakkan oleh sebuah Jawatankuasa Sekretariat yang dibentuk dikalangan penuntut itu sendiri di sesebuah IPT. Penasihat kepada Jawatankuasa ini adalah pegawai di Bahagian Hal Ehwal Pelajar di IPT berkenaan. Carta Organisasi dan Ahli Jawatankuasa Sekretariat perlu dilantik dikalangan pelajar IPT berkenaan. *(Sila rujuk Lampiran 1)*

**iv. Mempunyai Pejabat Operasi**

SRM IPT sebaiknya mempunyai pejabat operasi sendiri yang disediakan oleh pihak IPT masing-masing serta mempunyai kemudahan asas yang diperlukan. Ia bertujuan untuk memudahkan urusan dan operasi Jawatankuasa Sekretariat.

**v. Menyertai program KBS dan melaksana program**

Dari semasa ke semasa Kementerian Belia dan Sukan ada melaksanakan program-program tertentu dan kadangkala melibatkan penyertaan dari kalangan mahasiswa di IPT. Terdapat juga beberapa program tertentu dimana mahasiswa sendiri yang melaksanakan program dengan kerjasama Kementerian / Jabatan / Pejabat Belia dan Sukan Daerah di seluruh negara.

Keberkesanan/Impak penubuhannya:

Sekretariat Rakan Muda yang menganjurkan program Rakan Muda perlu mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak KBS iaitu:

**a) Konsep Pelaksanaan adalah berdasarkan 8 Teras Rakan Muda iaitu:**

- i. Alam Sekitar
- ii. Keusahawanan
- iii. Seni Mempertahankan Diri
- iv. Siber/ Digital
- v. Kecergasan
- vii. Inovasi
- viii. Seni Budaya

**b) Tumpuan utama program kepada Kumpulan Sasar ( 18 – 30 tahun )**

Penganjur program dan aktiviti Rakan Muda perlu memberi keutamaan kepada peserta Rakan Muda iaitu yang berumur di antara 18 hingga 30 tahun. Ia berkonsepkan "dari remaja untuk remaja".

**c) Sentiasa Membawa Imej Rakan Muda**

Penganjur pada setiap masa hendaklah membawa imej Rakan Muda sepanjang program berjalan.

**d) Bersikap Proaktif**

Sentiasa proaktif melaksana atau menyertai program-program Rakan Muda yang dianjurkan oleh pelbagai pihak-pihak yang berkaitan.

**e) Menganggotai Persatuan Belia**

Bekas peserta program Rakan Muda digalakan untuk menjadi ahli persatuan belia di tempat masing-masing.

**f) Menyediakan laporan pelaksanaan program**

Laporan pelaksanaan program perlu disediakan bagi setiap program Rakan Muda.

**g) Peraturan Kewangan**

- i. Segala urusan kewangan di antara Kementerian Belia dan Sukan dengan pihak SRM adalah menggunakan akaun Pejabat Bendahari Universiti. Sekretariat tidak dibenarkan membuka akaun berasingan.
- ii. Semua permohonan bantuan pentadbiran atau projek mestilah melalui SRM dan disokong oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar IPT berkenaan sebelum dimajukan kepada Kementerian Belia dan Sukan.
- iii. Permohonan bantuan dipohon tiga (3) bulan lebih awal kerana setiap permohonan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Kementerian Belia dan Sukan dan memerlukan proses yang panjang selepas itu.
- iv. Bantuan kewangan yang dipersetujui hanyalah untuk menampung sebahagian daripada kos keseluruhan program melainkan bagi program-program khas dimana Persatuan / Kelab menjadi Penganjur Bersama program tersebut.
- v. Permohonan bantuan atas nama SRM dan menggunakan akaun Pejabat Bendahari IPT masing – masing. Urusetia Bantuan akan memaklumkan secara bertulis mengenai kelulusan / penolakan bantuan tersebut setelah Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan KBS bersidang dari semasa ke semasa. Keputusan tersebut adalah muktamad.

**Lampiran 1**

**PEMBENTUKAN STUKTUR JAWATANKUASA  
SEKRETARIAT RAKAN MUDA (SRM) IPT**

Penasihat	Pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP)
Pengerusi	
Tim.Pengerusi	
Setiausaha	
Bendahari	
AJK	1)
	2)
	3)
	4)
	5)

- \* Berikut adalah cadangan struktur bagi penubuhan SRM IPT dan jumlah AJK adalah mengikut kesesuaian SRM IPT masing-masing.
- \* Keahlian Jawatankuasa SRM IPT adalah dikalangan para pelajar IPT kecuali bagi jawatan Penasihat sahaja.

## **KOMPLEKS RAKAN MUDA (KRM)**

### **Latar Belakang KRM:**

- Kompleks Rakan Muda (KRM) diwujudkan untuk memenuhi keperluan masyarakat setempat khususnya golongan belia bagi menjalankan aktiviti masa lapang dan pembangunan sosial diri yang lebih konsisten serta dinamik dengan pengisian dan aktiviti yang disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan.
- Kompleks Rakan Muda merupakan salah satu agenda pembangunan yang dilaksanakan dan dibina pada Rancangan Malaysia Ke (RMK) 7, 8 dan 9.

### **Fungsi dan Peranan:**

#### Fungsi

- Sebagai pusat perjumpaan, berinteraksi, menyebarkan dan mendapat maklumat kepada golongan belia.
- Sebagai pejabat pentadbiran dan kemudahan kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) tempatan.
- Kemudahan yang disediakan dapat memenuhi keperluan masa lapang masyarakat terutama golongan muda mengikut aspek kebudayaan setempat.

#### Peranan

- Kompleks Rakan Muda berperanan sebagai Pusat Pembangunan Sosial khusus untuk golongan muda dengan menggabungkan aktiviti pembangunan minda, pengupayaan fizikal dan pembangunan rohani secara bersepadu bagi melahirkan belia bertanggungjawab, bebas dari pengaruh dan perlakuan negatif serta berupaya menyumbangkan tenaga secara produktif kepada negara.
- Menjadikan KRM sebagai pusat pertemuan yang efektif dengan melaksanakan pelbagai aktiviti serta program yang memberi kebaikan kepada golongan belia dan komunikasi setempat.

- Mewujudkan komunikasi belia yang lebih berinovasi dan kompetatif serta penglibatan diri yang lebih aktif melalui program Gaya Hidup Rakan Muda yang dikelolakan oleh Kementerian Belia dan Sukan di Kompleks Rakan Muda.
- Kompleks Rakan Muda sebagai pusat pengembangan ilmu serta penerokaan Teknologi Maklumat secara lebih sistematik ke arah pembentukan masyarakat belia yang celik IT dan berinovatif.

#### **Kemudahan-kemudahan di KRM:**

Terdapat sebanyak 17 buah Kompleks Rakan Muda telah diwujudkan di seluruh negara iaitu:

- Kompleks Rakan Muda Baling, Kedah
- Kompleks Rakan Muda Jawi, Pulau Pinang
- Kompleks Rakan Muda Taiping, Perak
- Kompleks Rakan Muda Kampar, Perak
- Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara, WP Kuala Lumpur
- Kompleks Rakan Muda Klang, Selangor
- Kompleks Rakan Muda Jempol, Negeri Sembilan
- Kompleks Rakan Muda Kuala Pilah, Negeri Sembilan
- Kompleks Rakan Muda Alor Gajah, Melaka
- Kompleks Rakan Muda Bera, Pahang
- Kompleks Rakan Muda Maran, Pahang
- Kompleks Rakan Muda Raub, Pahang
- Kompleks Rakan Muda Kemaman, Terengganu
- Kompleks Rakan Muda Besut, Terengganu
- Kompleks Rakan Muda Putatan, Sabah
- Kompleks Rakan Muda Sukan Air Rompin (KRAMSAR), Pahang
- Kompleks Rakan Muda Sukan Air dan Udara (KRAMSAU), Johor

Terdapat 2 jenis kemudahan yang disediakan di Kompleks Rakan Muda iaitu Kemudahan Am dan Kemudahan Sukan.

### **Kemudahan Am**

- Surau
- Dewan Besar
- Dewan Makan
- Asrama dan Bilik Penginapan
- Gimnasium
- Bilik Mesyuarat
- Pentas Terbuka
- Bilik Ceramah
- Bilik Bengkel
- Pejabat Pengurusan
- Pondok dan Bilik Pengawal

### **Kemudahan Sukan**

- Gelanggang Bola Tampar
- Gelanggang Futsal
- Gelanggang Bola Keranjang
- Gelanggang Bola Jaring
- Gelanggang Badminton
- Gelanggang Sepak Takraw
- Gelanggang Tenis
- Gelanggang Pingpong
- Gelanggang Squash
- Gelanggang X-Game (*Skate Board, Wall Climbing, Bouldering*)
- Padang Bola Sepak
- Trek Larian (Balapan dan Joging)
- Rumah Bot

*\*tertakluk kepada prasarana yang sedia ada di setiap Kompleks Rakan Muda*

Konsep pelaksanaan dan impaknya kepada komuniti setempat:

- Membendung perlakuan gejala sosial dan juga menggalakkan aktiviti secara berterusan dapat dilaksanakan di Kompleks Rakan Muda sebagai memenuhi aktiviti masa lapang golongan remaja masa kini.
- Sebagai salah satu Pusat Sehenti (*one stop center*) kepada golongan remaja untuk mendapatkan input dan maklumat yang berguna kepada mereka.